

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 FEBRUARI 2017 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Individu, syarikat berdepan tindakan jika terlibat rasuah	Sinar Harian
2.	Langkawi berpotensi jadi pusat penghasilan tenaga boleh diperbaharui	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (DARI UTARA) : MUKA SURAT 49
TARIKH : 21 FEBRUARI 2017 (SELASA)

Individu, syarikat berdepan tindakan jika terlibat rasuah

ALOR SETAR - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Jabatan Standard Malaysia akan mewujudkan Sistem Pengurusan Anti Rasuah - ISO 37001 pada Julai nanti.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil berkata, ia merupakan komitmen SPRM dalam membanteras rasuah.

"Ikrar bebas rasuah (IBR) mahupun ikrar integriti korporat (CIP) merupakan persediaan kepada masyarakat ataupun agensi-agensi bersifat sukarela dan bukan suatu yang wajib untuk mana-mana agensi dan syarikat.

"Tetapi apabila kita ada satu peruntukan khusus sama ada di bawah akta ataupun satu undang-undang khusus iaitu Akta Liabiliti Korporat yang berkuatkuasa pada tahun ini, maka ia boleh digunakan sebagai perlindungan daripada dikenakan tindakan," katanya.

Menurutnya, sistem itu merupakan satu undang-undang jika individu ataupun kakitangan agensi terlibat dengan rasuah, bukan setakat individu sahaja didakwa malah syarikat ataupun agensi juga turut didakwa.

"Jadi mana-mana syarikat yang ada IBR, CIP ataupun mendapat ISO 37001 nanti boleh digunakan sebagai perlindungan bahawa kita ada ikrar yang kita laksanakan.

"Elemen ISO banyak berhubung dengan pencegahan rasuah. Ia juga merupakan suatu akta khusus ataupun sebahagian pindaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, boleh digunakan sebagai perlindungan pada mana-mana agensi daripada dikenakan tindakan," katanya.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 21 FEBRUARI 2017 (SELASA)



Langkawi Berpotensi Jadi Pusat Penghasilan Tenaga Boleh Diperbaharui

LANGKAWI, Feb (Bernama) -- Langkawi berpotensi menjadi pusat penghasilan tenaga boleh diperbaharui dengan memanfaatkan teknologi yang dibangunkan **SIRIM Berhad** sambil menangani masalah pengurusan sampahnya, kata **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah**.

Beliau berkata SIRIM kini bersedia mengkomersialkan teknologi baharu itu susulan kejayaan projek perintisnya.

"Sekarang SIRIM hendak melaksanakannya di kawasan lebih besar dan ini boleh dilakukan di Langkawi asalkan rakyatnya bersedia menerima teknologi baharu ini," katanya selepas merasmikan seminar Pusat Kitar Semula Hijau Langkawi, di sini hari ini.

Beliau berkata masalah pelupusan sampah di pulau pelancongan ini tidak boleh ditangani dengan kaedah konvensional semata-mata, sebaliknya turut memerlukan inovatif.

Sementara itu, Pegawai Daerah Langkawi Isahak Murat yang turut hadir, berkata pada hari-hari biasa, pusat pelupusan sampah di sini menerima kira-kira 130 tan sampah sehari dan meningkat kepada 160 tan pada musim puncak kedatangan pelancong.

Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pelancongan dan Warian Kedah Datuk Mohd Rawi Abdul Hamid pula mencadangkan supaya Langkawi menjalinkan kerjasama dengan wilayah Pattaya di Thailand yang berjaya melaksanakan program kitar semulanya.

Katanya masalah pelupusan sampah di Langkawi perlu ditangani pada kadar segera memandangkan isu berkenaan boleh menjelaskan imej pulau itu sebagai sebuah destinasi pelancongan semula jadi.

Seminar yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang amalan kitar semula itu menarik lebih 100 peserta merangkumi pengusaha pelancongan dan wakil badan bukan kerajaan di sini.

-- BERNAMA